

Newspaper	Berita Harian
Date	10 December 2015

BH 10 DISEMBER 2015 KHAMIS **NASIONAL 7**

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 2015

Pikul tugas satukan semula saf kepimpinan parti

BH-10/12/2015

» *Dapat mandat bawa Muhyiddin, Shafie serta Dr Mahathir ke dalam barisan*

✦ Kuala Lumpur

Pergerakan Wanita UMNO berdepan tugas berat menyatukan kembali saf kepimpinan yang kini seolah terbahagi dua selepas pengguguran Timbalan Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Timbalan Perdana Menteri, Julai lalu.

Ketuanya Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata beliau diberi

WANITA

mandat membawa semula Muhyiddin, Naib Presiden, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal serta Tun Dr Mahathir Mohamad ke dalam barisan kepimpinan.

Bincang secara berhemah

Beliau berkata, sebarang perbezaan pendapat atau percanggahan seharusnya dibincang secara berhemah dalam parti.

“Wanita ada tugas berat sekarang, iaitu mandat untuk membawa semua kembali kepada titik perjuangan parti, kembali bersama dalam UMNO.

“Kita jangan keluar landasan. Datuk Seri Najib (Razak) mem-

punyai jiwa yang besar. Kalau kita boleh duduk berunding bersama, saya percaya semua masalah diselesaikan sebab kita nak menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14),” katanya kepada pemberita selepas Persidangan Wanita UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Shahrizat berkata, Wanita melihat wujud satu keperluan yang kritikal untuk barisan pemimpin berkenaan kembali bersatu di bawah panji-panji dan kedaulatan UMNO.

“Kami Pergerakan Wanita berharap pemimpin kaum bapa ini kembali bersatu demi parti. Sama seperti penyatuan semua sayap yang berdiri teguh bersama kepimpinan presiden dan Perdana Menteri kita,” katanya.

Terdahulu dalam sesi pengumuman, Shahrizat berkata, Wanita UMNO menghormati ketiga-tiga pemimpin itu dan masuklah kembali dalam barisan.

Terus sokong presiden

Katanya, pendirian Wanita jelas akan terus sokong presiden dan tidak akan pernah menduakan beliau.

“Kita sokong Tan Sri Muhyiddin selaku Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri (Ahmad Zahid) begitu juga Datuk Seri Shafie... kita terima keputusan PM dan menyeru bapa yang kita hormati, Tun Dr Mahathir bersama-samalah dalam UMNO.

“Tiada parti lain tempat kita berserahkan...tak kan hendak se-

“
Kita jangan keluar landasan. Datuk Seri Najib (Razak) mempunyai jiwa yang besar. Kalau kita boleh duduk berunding bersama, saya percaya semua masalah diselesaikan sebab kita nak menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14”

Shahrizat Abdul Jalil,
Ketua Wanita UMNO

rahan parti Melayu dan hak Bumiputera pada DAP, biar mengalir darah sekali pun kita tidak benar dan serahkan nasib kepada DAP, ia tidak akan berlaku,” katanya.